

Musa Hitam

Hormati keputusan Dr M: . . .

BH 26 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Selasa= Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, berkata proses peralihan kuasa daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak perlu dipersoalkan.

Sambil menegaskan keputusan Perdana Menteri itu perlu dihormati, Musa berkata, semua ahli Umno harus berterima kasih atas pengorbanan Dr Mahathir memimpin parti dan negara selama 21 tahun.

“Pada saya, hadiah paling istimewa kepada Dr Mahathir daripada semua ahli, kepimpinan dan lantikan ahli Umno adalah dengan bersatu padu dan pastikan Umno terus dapat menerajui kerajaan negara kita.

“Cabaran paling besar bagi seluruh warga Umno ialah dengan memenangi pilihan raya umum akan datang yang bakal diadakan sebelum 2004, satu jangka masa begitu pendek,” katanya ketika dihubungi.

Musa berkata, semua ke-

nyataan sokongan pemimpin kanan Umno terhadap keputusan itu harus diterjemahkan dengan berusaha mewujudkan keadaan tenteram dan stabil dalam parti.

Beliau juga meminta semua ahli Umno akur dan menerima proses peralihan kuasa Perdana Menteri kepada Timbalannya itu.

“Abdullah mempunyai kredibiliti tinggi di mana beliau seorang pemimpin yang berpengalaman luas dalam politik parti serta arena antarabangsa. Beliau

tidak harus ada gangguan dalaman langsung dan perlu diberi mandat penuh untuk melaksanakan tugasnya.

“Saya juga mengucapkan selamat maju jaya kepada semua ahli Umno dan saya doakan semoga ahli Umno dapat bersatu padu dan menjalankan tugas yang sangat penting ini,” katanya.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah sedih dengan keputusan Dr Mahathir mengundur diri tetapi secara

peribadi menghormati keputusan itu setelah Perdana Menteri banyak menabur jasa serta sudah lama berkhidmat untuk negara.

Katanya, masyarakat sudah tentu akan merasai kehilangan Dr Mahathir yang telah memimpin negara selama 21 tahun tetapi perlu menerima hakikat peletakan jawatan itu.

“Hakikatnya satu hari orang kena berhenti daripada kerja, kita sayang dekat dia mahu dia terus bekerja tetapi dia sudah buat keputusan, itu satu

pengorbanan.

“Kalau dia duduk lagi, soal kredibiliti dia pula, pasal dia sudah umum dia hendak berundur,” katanya yang menafikan soalan bahawa Dr Mahathir mahu melantiknya memegang jawatan tertentu.

Katanya, Dr Mahathir juga sanggup melayan permintaan perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini untuk terus memegang jawatannya yang dianggap sebagai pengorbanan kepada rakyat.